



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**UCAPAN SEMBAH MENJUNJUNG KASIH
KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
OLEH
YB TAN SRI TPr. ANNUAR HAJI MUSA
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA
MAJLIS PENGURNIAAN RUMAH WILAYAH PRIHATIN BAGI TAHUN 2020**

**OLEH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG
DI-PERTUAN AGONG AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA
BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN
BILLAH**

**PADA 10 SEPTEMBER 2020
BERTEMPAT DI
PPR KAMPUNG MUHIBBAH, KUALA LUMPUR**

1. Menghadap, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

AMPUN TUANKU

2. Patik merafak sembah menjunjung kasih di atas limpah perkenan KeBawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berangkat bercemar duli bagi menyempurnakan Majlis Pengurniaan Rumah Wilayah Prihatin pada pagi ini. Sesungguhnya keberangkatan KeBawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berdua ke majlis ini adalah amat bersejarah sekali dan

melambangkan kecaknaan yang tidak ternilai serta keprihatinan seorang Raja yang berjiwa rakyat yang menjadi kebanggaan seluruh rakyat jelata.

3. Negara dan rakyat amat beruntung sekali dapat bernaung di bawah payung pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang sentiasa mengambil berat terhadap segenap lapisan rakyat dalam negara ini. Semalam, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memaklumkan kepada Jemaah Menteri perkara-perkara yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, supaya kerajaan terus mengambil berat tentang keperluan rakyat jelata terutama sekali berkaitan dengan kemiskinan rakyat, kemiskinan dibandar serta mereka-mereka yang kurang bernasib baik.

4. Jemaah Menteri juga dimaklumkan, Duli Yang Maha Mulia Tuanku menitahkan serta menyampaikan ucapan penghargaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku kepada mereka-mereka yang telah bertungkus lumus

menjayakan pelbagai program termasuklah bagi keluarga ataupun warga di Kementerian Wilayah Persekutuan. Patik telah menyampaikan penghargaan sewaktu itu dalam Mesyuarat Pasca Kabinet semalam dan bagi pihak warga Kementerian Wilayah Persekutuan, patik semua menjunjung kasih atas kecaknaan keprihatinan serta penghargaan yang telah tuanku tumpahkan kepada kami sekalian.

AMPUN TUANKU

5. Kementerian Wilayah Persekutuan sejak akhir-akhir ini terutama sekali sepanjang berlakunya penularan pandemik COVID-19 yang kita lihat telah melanda dunia, telah memberikan kesan yang amat besar kepada kehidupan rakyat jelata. Langkah-langkah proaktif telah diambil oleh kerajaan dan kementerian termasuklah terkini dilancarkan suatu pembudayaan kerja untuk menzahirkan keikhlasan dan memberikan perhatian daripada hati nurani warga

wilayah kepada rakyat yang disebut sebagai “**Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin**”.

6. Diperingkat awal pelaksanaan PKP, Kementerian telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan dan meringankan beban warga Wilayah Persekutuan akibat penularan wabak berkenaan. Kementerian dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan telah memperkenalkan inisiatif Wilayah cakna yang telah menelan pembelanjaan kira-kira RM100 juta. Bagi menyampaikan pelbagai bentuk bantuan antaranya termasuklah bagi kelompok pertama membabitkan 5000 petugas-petugas barisan hadapan yang bertugas di Wilayah Persekutuan.

7. Kelompok kedua ialah membantu pesakit dari keluarga mereka yang telah mengalami jangkitan covid-19. Manakala kelompok ketiga ialah warga Wilayah Persekutuan daripada kalangan rakyat

terbanyak yang kehilangan pendapatan termasuklah para peniaga-peniaga kecil dan sederhana malah para etnik dan juga para gelandangan.

8. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dilakukan oleh Kementerian termasuklah memberikan pengecualian bayaran sewa selama 6 bulan kepada lebih daripada 40 ribu penyewa rumah-rumah PPR dan Perumahan Awam DBKL serta juga memberikan bantuan pengecualian sewa 6 bulan kepada lebih daripada 6 ribu penjaja disekitar Kuala Lumpur. Para peniaga dan penyewa premis-premis Perbadanan Putrajaya juga turut diberikan pengecualian yang sedemikian. Usaha ini turut mendapat kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan sendiri.

AMPUN TUANKU

9. Patik sangat-sangat menyedari disebalik gedung-gedung besar sebuah kota seperti Kuala Lumpur, terdapat ramai penjaja-penjaja kecil. Disebalik bandaraya yang tinggi masih banyak rumah-rumah setinggan yang usang di penjuru-penjuru kota Kuala Lumpur. Disebalik kemewahan kota ada rakyat yang masih kais pagi makan pagi, makan petang belum tentu. Disebalik sederhana kehidupan rumah-rumah besar, rumah-rumah agam di sana sini, masih terdapat golongan gelandangan yang hidupnya tidak ketentuan.

10. Maka, titah KeBawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Jemaah Menteri juga kepada semua petugas-petugas khususnya di Kementerian Wilayah Persekutuan adalah suatu pendorong dan pembakar semangat yang sangat penting bagi membolehkan kita terus berusaha untuk membangunkan program-

program yang lebih dapat menyantuni ramai rakyat di Wilayah Persekutuan.

11. Demikian patik baru saja melancarkan 5MY iaitu 5 program bagi membantu golongan-golongan miskin di 178 pusat-pusat yang telah kita kenal pasti terdapat *Residensi Of Urban Farming*. Program-program yang menumpukan dan memberikan pekerjaan-pekerjaan sampingan. Memberikan peluang membeli barangan rumah pada harga yang lebih rendah, membantu mengurangkan tanggungan bagi pembelanjaan perubatan dengan membawa doktor ke kawasan-kawasan miskin, mengadakan program bas sekolah percuma bagi mereka-mereka yang mempunyai anak-anak yang terpaksa ke sekolah dan menanggung pembayaran bas serta juga mengadakan bantuan langsung makanan kepada keluarga-keluarga yang telah dikenal pasti.

12. 5 program ini ialah MyJob, MYGrocer, MYSchoolBas, MYMedical dan MYfood adalah inisiatif

terbaru yang akan diperkasakan dan diperluaskan agar dapat diketengahkan lagi kawasan yang lebih luas sebagai penyambung dan juga pandangan yang telah dititahkan oleh KeBawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

13. Kerajaan akan terus memberikan perhatian yang serius kepada masalah-masalah kemiskinan kebangsaan atau *nasional porverty* yang membolehkan lebih ramai daripada kalangan rakyat atau termasuk golongan sasaran yang akan dibantu oleh kerajaan. Maka dengan itu, patik sekali lagi menjunjung kasih atas segala kecaknaan dan keprihatinan tuanku dan memberikan dorongan bagi kerajaan untuk terus mengambil berat dan memberikan keprihatinan kepada rakyat dan golongan kemiskinan.

AMPUN TUANKU

14. Patik ingin mempersembahkan beberapa inisiatif lagi terutama dalam soal perumahan. Di Kuala Lumpur masalah perumahan adalah suatu realiti dan juga merupakan suatu igauan bagi sesetengah warga kota. Walaupun ada rumah-rumah yang dibina yang dianggap mampu milik, tetapi banyak juga rumah yang dianggap mampu dilihat tetapi tidak mampu dimiliki.

15. Justeru itu, Kementerian patik merubah sedikit dasar menyediakan rumah mampu milik yang berharga RM300 ribu ke bawah sebaliknya pada tahun ini rumah mampu milik di klasifikasikan dan diwajibkan membina rumah-rumah yang dibawah daripada harga RM200 ribu menerusi program residensi prihatin.

16. Patik juga ingin menyembah maklum kepada tuanku, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah diarahkan untuk membina lebih banyak *council home* di setiap kawasan parlimen dalam kawasan Kuala

Lumpur. Ini kerana ramai rakyat berpendapatan rendah tidak mampu untuk tinggal jauh di luar kota untuk datang bekerja di pusat-pusat bandar dan mereka juga barangkali belum mampu untuk membeli sebuah rumah.

17. Maka sebagai langkah untuk membolehkan mereka menjimatkan perbelanjaan mereka juga mensasarkan untuk membina hampir 20 ribu unit *council home* pada jangka panjang, secara jangka masa pendek 2 ribu unit *council home* dan 1000 unit *council home* akan dibina di Kuala Lumpur. Begitu juga patik sangat-sangat mengalu-alukan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan turut membantu dalam membina perumahan-perumahan awam.

18. Patik juga ingin menyembah maklum suatu program *urban renewal* akan dilaksanakan dimana rumah-rumah yang telah berusia lebih daripada 35 tahun bersaiz kecil kira-kira 400 kaki persegi yang pada 1 bilik dan didiami oleh ramai warga kota akan di

bangunkan semula dengan rumah-rumah yang lebih besar. Sebahagian daripada mereka diberikan rumah-rumah baru menggantikan rumah-rumah kecil yang lama yang bernilai lebih pada 200 ribu seunit secara percuma atau secara gantian. Program pertama akan dilaksanakan di PPR Sri Labuan menjelang hujung tahun ini.

AMPUN TUANKU

19. InshaAllah Kementerian Wilayah Persekutuan akan terus mengambil segala inisiatif yang mungkin bagi melaksanakan titah yang telah disampaikan kepada patik sekalian oleh KeBawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Pada hari ini, dengan perkenan tuanku, patik ingin memanjangkan penghargaan dan terima kasih kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Tenaga Nasional Berhad dan Yayasan Wilayah Persekutuan kerana dapat menjayakan program Rumah Wilayah Prihatin.

20. Program ini akan diperluaskan dengan penyertaan lebih banyak golongan asnaf yang pada masa ini hanya menyewa di rumah-rumah DBKL dapat dipertimbangkan untuk diberikan rumah-rumah percuma. Mereka-mereka yang menyewa kemudian dikenal pasti sebagai tidak mampu hatta untuk membayar sewa. Sama ada mereka OKU, warga emas ataupun juga mereka yang menjadi ibu tunggal yang tidak berpendapatan akan dipilih daripada semasa ke semasa untuk diberikan sebuah rumah secara percuma.

21. Alhamdulillah dengan perkenan KeBawah Duli Yang Maha Mulia tuanku, 53 orang penerima akan menerima rumah-rumah percuma mereka yang bernilai harga RM3 juta. Bagi pihak mereka semua, patik menjunjung setinggi-tinggi kasih. Rumah-rumah yang diberikan ini tidak boleh di jual kepada pihak ke 3 tetapi boleh diwariskan kepada anak-anak mereka kemudian hari. Rumah-rumah ini juga telah diperbaiki,

perabot-perabot baru telah diberikan dan rumah-rumah itu dijadikan rumah-rumah yang lebih selesa. Mudah-mudahan dengan segala inisiatif ini dan diberikan dorongan kuat oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku sendiri akan dapat kita teruskan dan kita akan memperluaskan lagi di masa-masa akan datang.

AMPUN TUANKU

14. Patik sekali lagi merafak sembah, menjunjung kasih yang setinggi-tingginya telah patik menyembahkan hasrat tuanku bercemar duli tuanku tanpa teragak-agak terus menerima dan diperkenan untuk menghadiri majlis pada pagi ini. Dan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama untuk menjayakan program pada pagi ini. Patik turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan dalam penganjuran majlis atau terdapat apa jua

kesilapan tutur bicara patik, patik memohon ampun kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

23. Selanjutnya, patik berdoa kepada Allah SWT semoga KeBawah Duli yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda akan terus dikurniakan kekuatan dan kesihatan serta terus kekal di singgah sana dan dapat memerintah kebesaran kedaulatan dan kesejahteraan. Patik juga berdoa kepada Allah SWT mudah-mudahan KeBawah Duli Yang Maha Mulia tuanku dan KeBawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Permaisuri Agong serta putera-putera, puteri-puteri dan seluruh kerabat sentiasa dalam lindungan, dilanjutkan usia dan sentiasa dalam keadaan sihat walafiat selama-lamanya. Amin ya-rabal alamin. Patik menjunjung kasih.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun. sembah patik mohon diampun.

